



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN PENDIDIKAN TALAALA DAN CADANGAN CARA MEWARISKANNYA DALAM MASYARAKAT KADAZANDUSUN

ROSLIAH KITING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kadazandusun merupakan penduduk peribumi Sabah. Masyarakat ini kaya dengan sastera rakyat. Namun demikian sebahagian besar sastera rakyat tersebut masih dalam bentuk tradisi lisan yang hanya dikuasai oleh orang tua-tua. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengumpul salah satu puisi lisan etnik Bundu dalam rumpun Kadazandusun iaitu *talaala*. *Talaala* yang diperolehi diterjemah kemudian dianalisis peranan pendidikan dan cadangan cara-cara mewariskannya kepada generasi seterusnya. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan melaksanakan kerja lapangan untuk mengumpul data. Panduan perlaksanaan mengumpul tradisi lisan oleh Inon Shaharuddin Abdul Rahman digunakan untuk mendokumentasi *talaala* manakala Teori Penterjemahan Larson untuk menterjemah *talaala* ke dalam Bahasa Melayu. Teori Fungsi Bascom dan Model Kesantunan Berbahasa Leech digunakan untuk melihat peranan *talaala*. Teori warisan digunakan untuk melihat cara-cara mewariskan puisi ini. Hasil kerja lapangan ini telah mengumpul sebanyak 199 rangkap *talaala* yang masih disebarluaskan secara lisan daripada 20 orang informan. Analisis data mendapati peranan pendidikan yang dibawa oleh *talaala* adalah memberikan pendidikan iaitu memberikan kesedaran dan keinsafan, menjaga kesopanan dan kebenaran pertuturan, menanamkan sikap ketekunan, mendorong melakukan kebaikan, membentuk sikap sabar dalam menjalani kehidupan sempurna mengamatkan sikap menghormati sesama manusia, memupuk sikap pemurah dan dermawan serta mementingkan ilmu pengetahuan. Terdapat 13 cadangan cara-cara mewariskan *talaala* iaitu membukukan, penyelidikan, dijadikan sebagai bahan pengajaran, kempen kesedaran, menyelitkan *talaala* dalam adat atau majlis, digunakan dalam komunikasi sehari-hari, mewujudkan ruangan dalam media, penterjemahan, penyebaran menggunakan teknologi terkini, digunakan untuk mengubah lagu, peraduan, diindahkan dengan grafik dan mengaktifkan penganjuran seminar, kursus dan bengkel. Hasil kajian ini memberikan impak kepada teori dan model tradisi lisan, penyelidikan berkaitan dengan Kadazandusun, pembentukan pelajar sebagai model insan dan kurikulum Bahasa Kadazandusun. Cadangan pengajaran *talaala* turut dikemukakan untuk mencetus idea kepada guru-guru Bahasa Kadazandusun melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan *talaala*. Dengan adanya kajian seperti ini, para penulis puisi dapat menjadikannya sebagai panduan untuk mengemaskini buku puisi dengan lebih tepat. Selain itu, para pelajar pula dapat memahami konsep fungsi *talaala* secara lebih terperinci.



ABSTRACT



THE EDUCATION ROLES OF TALAALA AND SUGGESTIONS FOR INHERITANCE AMONG KADAZAN DUSUN GENERATIONS

Kadazandusun is the native people of Sabah. This community is rich in folk literature. However, most of the literatures are still in the oral form and being practiced only by the elderly. Thus, this study was carried out to collect one of the oral poems of the Bundu ethnic, the talaala. Talaala obtained were translated and analyzed for its role and ways on how to inherit them to the future generations. Qualitative method was used as a tool to carry out the research in collecting the data. Guide on the implementation of collecting oral tradition by Inon Shaharuddin Abdul Rahman was used in documenting talaala while Larson Translation Theory was applied to translate talaala in Malay Language. Bascom Functional Theory and Leech Behavioural Language Model were used to observe the role of talaala. Inheritance Theory was implemented to observe ways to inherit the poetry. The result of the fieldwork has collected a total of 199 verses of talaala which was disseminated orally from 20 informants. Data analysis shows that talaala plays a very important role in providing education that provides awareness and consciousness, maintain civility and truth in speech, instil a sense of perseverance, encourage doing good, develop the patience to live a perfect life, practicing respect for fellow human beings, cultivate an attitude of generosity and generous and to prioritize knowledge. There are 13 suggestions for ways to inherit talaala, i.e. recording, research, used as teaching materials, awareness campaigns, include talaala in custom or ceremony, used in daily communication, create slot in the media, translation, dissemination using the latest technology, used in composing song, contests, enhanced with graphics and to organize seminars, courses and workshops actively. The result of this study gives impact on theory and model of oral tradition, research related to Kadazandusun, development of students as human being models and Kadazandusun Language curriculum. Proposal of Talaala teaching ideas have been put forward to inspire teachers of Kadazandusun language to implement the teaching and learning based on talaala. By conducting this study, the poet can make it as a guide in updating the poem books more accurately. In addition, the students are able to understand the concept of function of talaala in more detail.



KANDUNGAN

	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi	Halaman
TAJUK										
PENGAKUAN										
PENGESAHAN										
PENGHARGAAN										
ABSTRAK										
ABSTRACT										
SENARAI KANDUNGAN										
SENARAI JADUAL										
SENARAI RAJAH										
SENARAI LAMPIRAN										
 BAB 1: PENDAHULUAN										
1.1	Pengenalan		1							
	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi	
1.2	Latar Belakang Kajian		3							
1.3	Penyataan Masalah		7							
1.4	Soalan Kajian		10							
1.5	Objektif Kajian		10							
1.6	Kepentingan Kajian		10							
1.6.1	Kementerian Pelajaran Malaysia		10							
1.6.2	Pusat Perkembangan Kurikulum		11							
1.6.3	Guru-Guru Bahasa Kadazandusun		11							
1.6.4	Penulis-Penulis Buku		11							
1.6.5	Ahli Akademik		11							
1.6.6	Pelajar		11							
1.6.7	Pemimpin-Pemimpin Adat		12							
1.6.8	Masyarakat Kadazandusun		12							
1.7	Batasan Kajian		12							
	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi	
1.8	Definisi Operasi		13							
1.8.1	<i>Talaala</i>		13							

1.8.2	Peranan Pendidikan	15			
1.8.3	Mewariskan	16			
 05-4506632	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	17
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR					18
2.1	Pengenalan	18			
2.2	Latar Belakang Kadazandusun	18			
2.2.1	Taburan Etnik Kadazandusun	19			
2.2.2	Etimologi Kadazandusun	21			
2.2.3	Daerah Kecil Tamparuli	27			
2.3	Teori Kajian	29			
2.3.1	Panduan Pengkajian Tradisi Lisan	30			
2.3.2	Teori Penterjemahan	32			
2.3.3	Teori Fungsi	35			
2.3.4	Unsur-unsur Eufemisme	41			
2.3.5	Teori Sastera Warisan	46			
 05-4506632	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	51
2.4	Sorotan Dari Luar Nusantara	57			
2.5	Sorotan Dari Dalam Nusantara	57			
2.5.1	Peranan Pantun	57			
a.	Indonesia	57			
b.	Semenanjung Tanah Melayu	63			
c.	Sarawak	74			
d.	Sabah	81			
2.5.2	Pewarisan Pantun	88			
2.6	Penutup	95			
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN					96
3.1	Pengenalan	96			
3.2	Rekabentuk Kajian	96			
3.2.1	Prosedur Kajian	99			
 05-4506632	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	101
3.3	Prosedur Mengumpul Data	102			
3.3.1	Pemilihan Lokasi Kajian	102			

3.3.2	Rundingan Memasuki Lokasi Kajian	103
3.3.3	Cara Akses Awal Informan	104
3.3.4	Pemilihan Informan	106
a.	Informan Kajian	106
b.	Jumlah Informan	109
3.3.5	Membuat Temu Janji Dengan Informan	110
3.3.6	Melakukan Temu Bual dan Rakaman	110
a.	Temu Bual	110
b.	Rakaman	118
3.4	Analisis Data	119
3.4.1	Mentranskripsi	121
3.4.2	Penterjemahan	124
3.4.3	Menyusun Atur Data	127
3.4.4	Memahami Data	128
3.4.5	Pengkategorian	131
a.	Evolusi Tema	132
b.	Pengkategorian Analitikal	134
c.	Pembinaan Teori	136
3.4.6	Pengkodan	137
3.4.7	Persembahan Data	141
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	142
3.5.1	Kesahan Dalaman atau Kreadibiliti (<i>Creadibility</i>)	143
3.5.2	Kesahan Luaran atau Kebolehpindahan (<i>Transferability</i>)	145
3.5.3	Kebolehpercayaan atau Keboleh Bergantungan (<i>Dependability</i>)	146
3.5.4	Objektiviti atau Pengesahan (<i>Confirmability</i>)	147
3.6	Etika Penyelidikan	147
3.7	Penutup	152
	BAB 4 : PERANAN TALAALA	153
4.1	Pengenalan	153
4.2	Peranan Pendidikan <i>Talaala</i>	154

4.2.1	Mengamalkan Sikap Menghormati Sesama Manusia	156
a.	Menghormati Rakan	159
b.	Menghormati Ibu, Bapa dan Orang yang Lebih Tua	163
c.	Menghormati Suami atau Isteri	166
d.	Menghormati dan Menghargai Saudara Mara	168
e.	Menghormati Guru	171
4.2.2	Memberikan Kesedaran dan Keinsafan	173
a.	Mengkritik Orang yang Sombong	178
b.	Kritikan Berkaitan dengan Perkahwinan	183
c.	Mengkritik Orang yang Suka Memfitnah	186
d.	Mengkritik Orang yang Pemalas	188
e.	Mengkritik Orang yang Memberontak	190
f.	Mengkritik Orang yang Pemabuk	193
g.	Mengkritik Orang yang Tidak Sedar Diri	194
h.	Mengkritik Orang yang Terlalu Pendiam	197
i.	Mengkritik Orang yang Tamak	198
4.2.3	Pendidikan Menjaga dan Memelihara Perkataan Yang Baik	199
a.	Unsur-unsur Eufemisme	200
b.	Perundingan dalam Adat <i>Momuhaboi</i> (Meminang)	211
i.	<i>Monguhot</i> atau <i>Mihaboi-haboi</i> (Merisik)	212
ii.	<i>Momuhaboi</i> (Meminang)	219
4.2.4	Menanamkan Kesedaran Pentingnya Memiliki Kepandaian Dan Pengetahuan	228
a.	Kepandaian dan Pengetahuan Menyelesaikan Ujian Minda	230
b.	Kepandaian dan Pengetahuan untuk Mencari Jodoh	244
c.	Kepandaian dan Pengetahuan Berkaitan dengan Warisan	249
d.	Kepandaian dan Pengetahuan untuk Mencari Alternatif K epandaian dan Pengetahuan untuk Mencari Alternatif	250
4.2.5	Menggalakkan Sikap Sabar Dalam Menjalani Kehidupan Seharian	251

a.	Sabar Hidup Berkeluarga	252
b.	Sabah Menghadapi Perasaan	256
c.	Sabah Menghadapi Pengaruh	259
4.2.6	Mendorong Melakukan Kebaikan	261
a.	Saling Memaafkan	263
B.	Saling Memahami	266
c.	Bertimbang Rasa	268
d.	Belas Kasihan	269
e.	Baik Hati	270
4.2.7	Menanamkan Sikap Ketekunan Melakukan Sesuatu	272
a.	<i>Aparu (Rajin)</i>	274
b.	Gigih	275
c.	<i>Otorodok (Tekun)</i>	279
d.	<i>Opinogot</i>	280
e.	Berdikari	280
4.2.8	Menggalakkan Sikap Pemurah dan Dermawan	282
4.3	Penutup	284
BAB 5: PEWARISAN TALAALA		285
5.1	Pengenalan	285
5.2	Cadangan Cara Mewariskan <i>Talaala</i>	285
5.2.1	Membukukan atau Mencetak <i>Talaala</i>	286
5.2.2	Mengaktifkan Penyelidikan <i>Talaala</i>	288
5.2.3	Menggunakan <i>Talaala</i> Sebagai Bahan Pengajaran	290
5.2.4	Memberikan Kesedaran Kepentingan <i>Talaala</i> Sebagai Warisan	292
5.2.5	Menggunakan <i>Talaala</i> Dalam Adat atau Majlis	294
5.2.6	Penggunaan Dalam Komunikasi Keluarga dan Masyarakat	297
5.2.7	Mewujudkan Ruangan <i>Talaala</i> Dalam Media	300
5.2.8	Menterjemah <i>Talaala</i>	302
5.2.9	Memanfaatkan Teknologi	304

5.2.10 Menggunakan <i>Talaala</i> Untuk Mengubah Lagu	306
5.2.11 Menganjurkan Peraduan/Persembahan	308
  5.2.12 Mengindahkan Dengan Grafik, Gambar dan Muzik	310
  Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
5.2.13 Mengadakan Seminar, Kursus dan Bengkel	313
5.3 Penutup	315
 BAB 6: PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN	316
6.1 Pengenalan	316
6.2 Rumusan Kajian	316
6.3 Perbincangan Dapatan Kajian	319
6.3.1 Peranan Pendidikan <i>Talaala</i> dalam Kalangan Masyarakat Kadazandusun	319
6.3.2 Cadangan Cara-cara Mewariskan <i>Talaala</i> dalam Kalangan Masyarakat Kadazandusun	325
6.4 Implikasi Kajian	331
6.4.1 Implikasi Terhadap Teori dan Model	331
  6.4.2 Implikasi Terhadap Penyelidikan	333
  Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
6.4.3 Implikasi Terhadap Pelajar Sebagai Modal Insan	334
a. Masyarakat Berdiplomasi	334
b. Masyarakat yang Setia	335
c. Masyarakat yang Merendah Diri	336
d. Masyarakat yang Tekun	336
e. Masyarakat yang Berbakti	337
f. Masyarakat yang Bertoleransi	338
g. Masyarakat yang Bersopan Santun	338
h. Masyarakat yang Rasional	339
i. Masyarakat yang Penyabar	340
j. Masyarakat yang Menghormati	341
k. Masyarakat yang Berperibadi Ikhlas	341
l. Masyarakat yang Bijaksana	341
  6.4.4 Implikasi Terhadap Kurikulum Bahasa Kadazandusun	342
  Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
a. <i>Talaala</i> Sebagai Sumber Ilmu	342

b. <i>Talaala</i> Mengasah Kemahiran Berfikir	345
6.5 Cadangan	347
6.5.1 Cadangan Kedeah Pengajaran <i>Talaala</i>	347
a. Pengajaran Terancang	348
b. Prosedur Perlaksanaan Kaedah Pengajaran Terancang Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun	349
Langkah 1: Pendedahan Konsep <i>Talaala</i>	350
Langkah 2: Pendedahan Bentuk <i>Talaala</i>	350
Langkah 3: Pendedahan Penggunaan Bahasa Dalam <i>Talaala</i>	352
Langkah 4: Bimbingan Pembinaan Rangkap <i>Talaala</i>	354
6.5.2 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan	356
6.5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	356
6.6 Penutup	357

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1:	Teks Verbatim <i>Talaala</i> 1	139
Jadual 4.1:	Jumlah <i>Talaala</i> yang diberikan oleh setiap informan	153
Jadual 4.2:	Peranan <i>Talaala</i> dalam Masyarakat Kadazandusun	155
Jadual 4.3:	Pendidikan Mengamalkan Sikap Menghormati Sesama Manusia	157
Jadual 4.4:	Analisis Peranan Pendidikan <i>Talaala</i> Untuk Memberikan Kesedaran dan Keinsafan	174
Jadual 4.5:	Analisis Unsur-unsur Eufemisme Dalam <i>Talaala</i>	201
Jadual 4.6:	Analisis Peranan Pendidikan <i>Talaala</i> Agar Menjaga Dan Memelihara Perkataan Yang Baik dan Benar Dalam Perundingan Adat <i>Momuhaboi</i> (Pertunangan)	226
Jadual 4.7 :	Analisis <i>Talaala</i> Sebagai Pendidikan Menanamkan Kesedaran Pentingnya Memiliki Kepandaian dan Pengetahuan	228
Jadual 4.8:	Analisis Peranan Pendidikan <i>Talaala</i> untuk Menumbuhkan Sikap Sabar dalam Menjalani Kehidupan Seharian	251
Jadual 4.9:	Analisis Peranan Pendidikan <i>Talaala</i> Untuk Mendorong Melakukan Kebaikan	261
Jadual 4.10:	Analisis Peranan Pendidikan <i>Talaala</i> Untuk Menanamkan Sikap Ketekunan Melakukan Sesuatu	273
Jadual 4.11:	Analisis <i>Talaala</i> Untuk Pendidikan Menggalakkan Sikap Pemurah dan Dermawan	282

SENARAI RAJAH

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Halaman

Rajah 1.1: Kerangka Teori.	50
Rajah 3.1: Model Asas Terjemahan Larson (1984).	125

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	Halaman
Lampiran A:	DATA KOMPOSISI KAUM DAERAH TAMPARULI				392
Lampiran B:	PROTOKOL TEMU BUAL				397
Lampiran C:	PROTOKOL TEMU BUAL				398
Lampiran D:	CONTOH DATA RAKAMAN				400
Lampiran E:	PROTOKOL PEMERHATIAN				402
Lampiran F:	BIODATA RUJUKAN TERJEMAHAN				408
Lampiran G:	DOKUMENTASI <i>TALAALA</i>				410
Lampiran H:	PENGESAHAN TERJEMAHAN				

BAB 1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sastera rakyat merupakan seni media komunikasi yang mencerminkan budaya sesebuah masyarakat dari aspek cara hidup, nilai dan pemikiran masyarakat pada zaman kelahirannya. Oleh itu sastera rakyat kaya dengan data tentang kehidupan atau fenomena tertentu yang boleh dianalisis dan dikaji secara ilmiah. Ini menjadikan sastera berguna dijadikan sebagai bahan kajian. Sastera rakyat terdiri daripada sastera bertulis dan sastera lisan. Sastera lisan disebut juga sebagai tradisi lisan atau folklor lisan (Danandjaja, 1998:54). Tradisi lisan mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu bersifat tradisional, mempunyai bentuk berbagai versi (*version*) dan penciptanya tidak diketahui atau *anonymous*. Ianya adalah milik bersama dan mempunyai fungsi seperti menghiburkan hati, mengajar kanak-kanak tentang nilai sosial setempat (Mohd Taib Osman, 1976:5-7).

Setiap kelompok manusia secara umumnya memiliki karya sastera. Demikian juga dengan masyarakat Kadazandusun yang kaya dengan sastera sama ada puisi mahupun cerita rakyat. Kadazandusun merupakan masyarakat tertua yang menetap di Negeri Sabah. Masyarakat ini telah menetap di negeri ini sejak 3000 tahun sebelum Masihi (Arena Wati, 1978). Selain itu, masyarakat ini merupakan penduduk peribumi Sabah yang terbesar iaitu satu pertiga daripada

keseluruhan jumlah penduduk (Luping, 1994).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi

Dari segi istilah Kadazandusun, Udong (2006:23-26) menyatakan perkataan Kadazandusun terbentuk daripada perkataan "Kadazan" dan "Dusun" yang digabungkan untuk mewakili 40 etnik peribumi Sabah. Beliau menjelaskan bahawa daripada cerita lagenda, kaum Kadazandusun berasal daripada Nunuk Ragang yang terletak di sebuah kawasan di sekitar muara pertemuan dua batang sungai iaitu Sungai Kogibangan (dari arah kiri) dan Sungai Kawananan (dari arah kanan). Sungai tersebut telah bergabung menjadi sungai yang lebih besar dinamakan Sungai Liwogu. Nunuk Ragang adalah kiasan bagi menggambarkan penduduk yang ramai. Penduduk akan turun ke Sungai Liwogu untuk mandi sambil bergurau senda termasuklah mengucapkan puisi-puisi lisan. Masyarakat awal Kadazandusun menghuni tempat ini dalam keadaan harmoni, bersatupadu dan menikmati berbagai-bagai jenis bekalan makanan yang mencukupi. Namun demikian suasana ini tidak kekal kerana perkampungan Nunuk Ragang mengalami keruntuhan. Antara faktor yang menyebabkan keruntuhan adalah pertambahan penduduk, penyakit *ragang busul* (cacar rakit), sumpahan, ekonomi, adat resam yang terlalu ketat dan untuk mencari keselamatan diri. Faktor-faktor ini telah mendorong masyarakat ini meninggalkan kawasan ini. Sejak itu, kumpulan-kumpulan ini terpisah kerana mengikut haluan masing-masing. Pengalaman masyarakat ini mengharungi keperitan dalam perjalanan untuk berpindah telah mendorong kepada penciptaan sastera rakyat dengan versi yang berbeza-beza. Situasi ini mempunyai kaitan dengan pendapat Mohd Rashid Md Idris (2011:69) dan Takdir Alisjahbana (1996:1) bahawa puisi lama seperti pantun merupakan sebahagian daripada kebudayaan lama yang menggambarkan kehidupan masyarakat melalui rangkap-rangkapnya sehingga ianya memberikan kesatuan yang akrab dengan kehidupan masyarakat lama.

1.2 Latar belakang kajian

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun telah dimulakan di sekolah-sekolah dalam negeri Sabah pada tahun 1997. Ini bertujuan untuk memperkembangkan penggunaan bahasa ini dan sebagai cara untuk meneruskan warisan bangsa khususnya dalam kalangan generasi muda yang berketurunan Kadazandusun. Pengajaran dan pembelajaran ini ditingkatkan dengan memperkenalkan kursus Bahasa Kadazandusun di institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kolej Yayasan Sabah dan Institusi Pendidikan Guru Malaysia. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan juga pelajar untuk mengikuti pengajaran serta pembelajaran bahasa ini. Antara cabaran yang utama adalah kekurangan bahan-bahan rujukan yang boleh membantu mereka memahami bahasa dan warisan bangsa ini.



Selanjutnya, sastera merupakan warisan bangsa. Menurut Mohd Kassim Ismail (1998:10) sastera adalah seni kreatif bahasa yang mengungkapkan pelbagai fenomena kehidupan berdasarkan sensitiviti dan kreativiti pengarang. Hakikat sastera adalah fenomena kehidupan yang berkait rapat dengan manusia. Oleh itu sastera memaparkan realiti, fantasi dan imaginasi yang mencerminkan kemajuan peradaban sesebuah masyarakat. Punca, kesan dan bagaimana sesuatu fenomena itu diselesaikan menjadi bahan fikir serta makna sesuatu karya sastera. Pemikiran membicarakan bagaimana manusia menggunakan kebijaksanaannya dalam mengurus dan menghadapi keadaan.

Dalam konteks peranan sastera, kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa sastera memainkan peranan yang penting dalam pendidikan. Umpamanya kajian Syed Abdullah Syed Sulaiman (2008:323) mendapati sastera

merupakan model bahasa kerana karya sastera dipenuhi dengan pelbagai gaya bahasa. Kepelbagaian bahasa memberi ruang kepada pelajar mengembangkan pengetahuan tentang linguistik di samping memahami secara menyeluruh dan memberikan tindak balas terhadap gaya bahasa itu. Selain itu, sastera memainkan peranan sebagai gambaran budaya masyarakat pada zaman ianya dilahirkan. Menurut Asnad (1990:3) budaya merupakan cara-cara manusia berfikir yang telah terpakai dan telah timbul dalam waktu yang lama hingga memberi kesan dalam hidup masyarakat pemiliknya. Ini bermakna sastera merangkumi keseluruhan cara hidup bermasyarakat dalam berbagai-bagai bidang kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu, karya sastera dalam masyarakat Kadazandusun penting dikaji untuk memahami peranan pendidikan karya ini dalam membentuk segala tingkah laku yang diwarisi oleh masyarakat ini. Karya sastera *talaala* yang menyerupai pantun sebagai puisi masyarakat Kadazandusun dipilih sebagai fokus kajian ini kerana puisi seperti ini kaya dengan nilai-nilai pendidikan. Hal ini dinyatakan oleh Low Kok On, Saidatul Nornis Mahali, Rosliah Kiting, Sim Chee Cheang, Awang Asri Awang Ibrahim dan Esterlina Moo Chin Len Lazarus (2013:1) bahawa puisi ini sering digunakan oleh masyarakat tradisi Kadazandusun untuk memuji, menyindir atau mengingatkan seseorang tentang kelakuannya yang dianggap tidak baik dan dalam banyak situasi serta untuk menyampaikan pengajaran. Amalan penggunaan puisi yang sedemikian menyebabkan ianya diwarisi dari satu generasi ke satu generasi sehingga ke hari ini.


Struktur, *talaala* mempunyai persamaan dengan pantun Melayu iaitu terdiri daripada 4 baris dalam satu rangkap yang mempunyai struktur pembayang dan maksud. Dalam konteks amalan pengucapan *talaala*, informan yang ditemu bual

dalam tinjauan awal menjelaskan bahawa semasa mereka dalam alam kanak-kanak, ibu bapa akan membawa mereka ke ladang. Ketika musim menuai padi, aktiviti mengucapkan *talaala* ini giat dilakukan. Demikian juga ketika dalam pesta-pesta seperti perkahwinan, *moginakan* (hari keluarga) dan pesta menuai. Ini telah menjadikan *talaala* dapat diwarisi dari satu generasi ke satu generasi lain. Amalan mengucapkan *talaala* juga dilakukan oleh orang-orang tua ketika malam yang diselitkan dalam *tangon* (cerita rakyat). Hal sedemikian menyebabkan puisi ini dapat disebarluaskan dari satu generasi ke satu generasi seterusnya.

Namun demikian, situasi ini telah jauh berbeza pada masa kini. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan khazanah lisan rakyat seperti pengucapan *talaala* tidak lagi popular. Menurut Low Kok On *et al.* (2013:4), majoriti masyarakat pada masa kini lebih gemar menonton wayang di kaca televisyen atau di panggung wangan dan melayari laman web daripada mendengar orang tua-tua menyampaikan sastera rakyat. Oleh itu, kemungkinan khazanah lisan yang merupakan warisan nenek moyang akan luput ditelan zaman sekiranya usaha untuk menyelamatkannya tidak dilakukan. Selanjutnya dibincangkan latar belakang kajian untuk memberikan gambaran kedudukan tradisi lisan masyarakat Kadazandusun pada masa kini.

Talaala yang menyerupai pantun dipilih sebagai fokus kajian ini kerana kerana puisi seperti ini kaya dengan nilai-nilai pendidikan. Hal ini dinyatakan oleh Low Kok On *et al.* (2013:1) bahawa puisi ini sering digunakan oleh masyarakat tradisi Kadazandusun untuk memuji, menyindir atau mengingatkan seseorang tentang kelakuannya yang dianggap tidak baik dan dalam banyak situasi serta untuk menyampaikan pengajaran. Amalan penggunaan puisi yang sedemikian

menyebabkan ianya diwarisi dari satu generasi ke satu generasi sehingga ke hari ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

Seterusnya, etnik Bundu dipilih sebab bahasa etnik ini diucapkan dan difahami oleh sebilangan besar penduduk Kadazandusun di Negeri Sabah (Udong, 1995:33). Bahasa etnik ini merupakan salah satu asas kepada pembiawaian Bahasa Kadazandusun yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Kadazan Dusun Cultural Assosiation and United Sabah Dusun Assosiaciton, 1995).

Sementara itu, Daerah Tamparuli dipilih sebagai lokasi kajian. Ini disebabkan kajian Shim (2007:185-186) mendapati etnik Bundu telah berpindah daripada Nunuk Ragang melalui Sungai Lidan dan Banjaran Crocker ke Tiung, Tomis, Koung, Lobong-Lobong, Bundu Tuhan dan juga Gondohon. Etnik ini turut berpindah lagi untuk mendapatkan penempatan di Giuk, Bongol, Kalawat, Togop dan Minangkob. Berdasarkan data senarai kampung daerah Tamparuli yang diperolehi daripada Pejabat Daerah Kecil Tamparuli (Lampiran A), Minangkob merupakan kampung yang terletak di bawah mukim Mangkaladoi dalam daerah Tamparuli. Hal ini menunjukkan etnik Bundu turut berpindah ke daerah Tamparuli. Oleh itu pemilihan daerah Tamparuli untuk melaksanakan kajian berkaitan dengan etnik Bundu adalah sesuai. Selain itu, daerah ini mempunyai penduduk Kadazandusun yang ramai iaitu lebih kurang 77% atau seramai 24,255 orang berdasarkan data yang diperolehi daripada Pejabat Daerah (seperti dalam Lampiran A).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Meskipun masyarakat Kadazandusun mempunyai khazanah tradisi lisan yang banyak namun kebanyakan genre ini masih disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun jauh ketinggalan dari segi penyelidikan khazanah lisannya (Tambung, 1994:3) dan Low Kok On, *dll.* 2013:4).

Oleh itu penyelidikan bahan ini penting kerana tradisi lisan merupakan bahan yang telah hidup dalam kebudayaan masyarakat pemiliknya sejak beberapa waktu dan sesuatu yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Tanpa tulisan atau mekanisme rakaman yang dapat menjadikannya ke dalam bentuk fizikal dan menyimpannya untuk rujukan kemudian, nescaya maklumat itu akan lenyap sebaik sahaja diujarkan. Selain itu sastera lisan ini jika tidak dirakam dan didokumentasi daripada mulut informan yang sudah lanjut usianya, sastera tersebut akan lenyap bersama dengan pemergian informan pada suatu hari nanti (Peabody, 1975 dan Mohd Taib Osman, 1982:5)

Keadaan ini bertambah teruk dengan situasi masyarakat kini tidak gemar mendengar orang tua-tua menyampaikan cerita rakyat. Ini menyebabkan aktiviti menghiburkan diri melalui genre tradisi atau menyampaikan pengajaran dengan sebaris pepatah adalah sukar kedengaran pada masa kini. Ini menggambarkan bahawa khazanah lisan rakyat tidak lagi popular pada masa kini (Low Kok On *dll.*, 2013:4).

Selanjutnya, masyarakat Kadazandusun sangat kekurangan maklumat atau rekod-rekod yang dapat menunjukkan kegiatan kesenian dan kesusteraan etnik Kadazandusun yang dihasilkan oleh masyarakat ini sendiri (Udong, 1995:28).

Oleh itu penyelidikan yang dilakukan oleh ahli masyarakat ini sendiri penting untuk memaparkan sudut pandangan terutama untuk menganalisis peranan dan cadangan cara-cara mewariskan genre ini kerana peluang untuk mengkaji tradisi budaya dengan mendalam akan tertutup dengan kehilangan pakar-pakar tradisi lisan atau tukang cerita pada suatu hari nanti sekiranya usaha genre ini tidak dilakukan dengan segera (Buyong (1974), Appel (1991) dan Tambung (1994).

Kajian-kajian terdahulu mendapati tradisi lisan seperti genre pantun mempunyai peranan yang penting dalam kalangan masyarakat pendukungnya. Umpamanya kajian berkaitan dengan genre tradisi lisan yang menyerupai pantun etnik-etnik di Sarawak yang dilakukan oleh Usop (2010), Hazami Jahari (2010), Sandai (2010) dan Ganing, Asmiaty Ahmad & Lokman Abdul Samad (2013) mendapati bahawa genre ini kaya dengan nilai peribumi dan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat pendukungnya. Sementara kajian Ara (2010), Effendy (2010), Rafiek (2012) serta Gani dan Abdulrahman (2012) terhadap pantun Melayu Bangka, Dayak, Madihin, Managua dan Minangkabau mendapati pantun digunakan sebagai wadah untuk mendidik di samping sebagai hiburan dengan dibatas oleh norma-norma sosial masyarakat pemiliknya. Dengan melihat fungsi puisi lisan tersebut, maka kajian ini akan melihat pula fungsi puisi *talaala* masyarakat Kadazandusun yang masih kurang dilakukan kajian.

Seterusnya kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa tradisi lisan perlu diwariskan kepada generasi seterusnya dengan pelbagai cara. Antaranya adalah dengan menggunakan pantun sebagai bahan pengajaran di sekolah (Rosli Saludin (2005:1, Mansyur Ramly 2010:1-2, Marafad, 2010:54-55 dan Rafiek (2012:114). Namun demikian, penelitian terhadap buku-buku teks terutamanya buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah Bahasa Kadazandusun, didapati *talaala*

sangat kurang dimasukkan ke dalam kandungan buku teks ini. Situasi ini menggambarkan bahawa genre ini telah terpinggir sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada pelajar yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun kerana menurut Mohd Taib Osman (1987:7) penggunaan puisi rakyat sangat penting dalam pendidikan generasi muda di Malaysia untuk mendedahkan mereka kepada alam Malaysia yang lebih luas dan menimba banyak ilmu daripada warisan budaya penduduk pribumi sendiri. Oleh itu pembinggiran terhadap *talaala* dalam buku teks menyebabkan pelajar Kadazandusun tidak berpeluang mengenali pantun sebagai salah satu bentuk puisi lama yang dapat menyemai bibit dari awal minat terhadap bahan sastera (Muhammad Haji Salleh, 2008:225).

Sehubungan dengan itu, pengumpulan bahan-bahan sastera seperti *talaala* ini wajar dilakukan kerana menurut Mahzan Arshad (2011:5-6), bahan-bahan sastera dalam buku teks tidak mencukupi bagi memperkayakan pengalaman pelajar dengan bahan kesusasteraan sebenar yang lengkap. Bahan kesusasteraan dalam bentuk yang lengkap dapat menambah minat pelajar untuk membaca dan menikmati karya yang dipilih. Oleh hal yang demikian, adalah penting agar khazanah lisan seperti *talaala* yang merupakan warisan nenek moyang dikumpul melalui rakaman kemudian didokumentasi agar tidak luput ditelan zaman, dianalisis dari aspek peranannya yang sesuai dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk dikemukakan sebagai bahan pengajaran di sekolah sebagai salah satu cara mewariskannya.

Memandangkan puisi lisan terutamanya pantun-pantun dalam masyarakat lain telah banyak dikaji dan terbukti bahawa pantun masyarakat tersebut mempunyai peranan yang penting seperti memberikan pendidikan maka kajian ini

cuba mengkaji salah satu pantun dalam masyarakat Kadazandusun iaitu *talaala* supaya peranan yang dapat dikaji dapat dipanjangkan kepada generasi muda serta korpus Kajian ini akan digunakan untuk mengulas *world view* masyarakat Kadazandusun.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti *talaala* untuk menjawab soalan kajian seperti berikut:

- a. Apakah peranan pendidikan *talaala* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun khususnya etnik Bundu?
- b. Bagaimanakah cadangan cara-cara mewariskan *talaala* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun khususnya generasi muda?

1.5 Ojektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (05-4506832)  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbuspi
- a. Mengenal pasti peranan pendidikan *talaala* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun khususnya etnik Bundu.
 - b. Mengenal pasti cadangan cara-cara mewariskan *talaala* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun khususnya generasi muda.

1.6 Kepentingan Kajian


Kajian ini penting dan berguna kepada:

1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dalam menggubal Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KSSR) dengan

(05-4506832)  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbuspi

menitikberatkan penggunaan *talaala* sebagai salah satu elemen dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa Kadazandusun.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi

1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

Hasil kajian ini dapat mencetuskan idea baru kepada PPK untuk menambah buku-buku panduan berkaitan perlaksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun dengan menggunakan *talaala*.

1.6.3 Guru-guru Bahasa Kadazandusun

Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai input kepada guru-guru Bahasa Kadazandusun tentang *talaala* untuk memilih bahan yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.6.4 Penulis-penulis buku



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan para penulis buku Kadazandusun agar dapat menghasilkan buku yang lebih tepat, padat dan bermutu terutamanya dalam penghasilan buku-buku berdasarkan *talaala*.

1.6.5 Ahli Akademik

Hasil kajian ini boleh digunakan oleh ahli akademik untuk menghasilkan kertas kerja persidangan, artikel jurnal serta buku-buku ilmiah.

1.6.6 Pelajar

Hasil kajian ini berguna kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk memahami ciri-ciri *talaala* etnik Bundu terutama dari aspek peranan pendidikan dan cara-cara mewariskannya. Pelajar pasca yang ingin memberikan fokus kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi